



**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP  
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**MAJLIS PELANCARAN  
KEMPEN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA  
AGROBANK 2024**

**17 FEBRUARI 2024  
DEWAN SJK(C) CHENG MING**

Saudara Pengacara Majlis,

**(SALUTASI AKAN DIKEMASKINI)**

**SELAMAT PETANG, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM  
MALAYSIA MADANI**

Hadirin dan Hadirat sekalian,

1. Saya menzahirkan rasa kesyukuran di atas limpah kurniaNya, maka saya dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Pelancaran Kempen Sambutan Tahun Baru Cina Agrobank 2024 pada petang ini.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur Agrobank yang membawa inisiatif kempen-kempen menarik bagi setiap perayaan dan hari ini sempena Tahun Baru Cina.
3. Sesungguhnya, inisiatif ini memerlukan usaha dan perancangan rapi serta penglibatan setiap jabatan dan agensi untuk merangka dan meningkatkan keupayaan melaksanakan pembangunan inklusif dalam memberi galakan kepada usahawan tani. Pelaksanaan inisiatif seumpama ini juga amat disambut baik bagi pembangunan pemain industri pertanian dan keterjaminan makanan.

Hadirin yang dihormati,  
PERANAN AGROBANK

4. Agrobank memainkan peranan penting dalam membantu ekosistem agromakanan melalui pelbagai inisiatif dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada peladang, penternak, nelayan, dan pelaku industri agromakanan.
5. Sebagai sebuah Bank Pembangunan, Agrobank merupakan salah satu agensi yang dipertanggungjawab dalam memperkukuhkan keterjaminan makanan melalui aktiviti penawaran pembiayaan.
6. Sebagai makluman, Agrobank menawarkan pembiayaan bukan sahaja untuk aktiviti pertanian malah setiap aktiviti dalam rantai nilai pertanian sejajar dengan aspirasi kementerian amnya dan Kerajaan khususnya.
7. Selain itu, pembangunan keusahawanan khususnya usahawan tani merupakan DNA Agrobank. Oleh itu, Agrobank bukan sahaja menyediakan pembiayaan, malah melengkapkan para usahawan dengan Kemahiran keusahawanan melalui Agrobank Centre of Excellence (ACE) di mana pengetahuan dari segi latihan dan bimbingan teknikal serta seni keusahawanan dibekalkan daripada Pakar Industri.

8. Kesimpulannya, Agrobank memainkan peranan penting dalam membantu ekosistem agromakanan dengan menyediakan pembiayaan, sokongan perniagaan, khidmat konsultasi, rangkaian industri, dan sokongan inovasi. Ini membantu menyokong perkembangan sektor agromakanan serta pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Hadirin yang dihormati,

#### KEMPEN TAHUN BARU CINA 2024 AGROBANK – HENG LOONG HUAT

10. Untuk makluman semua, Agrobank menawarkan RM888 untuk 50 orang pelanggan Agrobank yang bertuah menerusi kempen Heng Loong Huat dengan objektif menggalakkan pelanggan Agrobank membuat pembayaran bebas tunai melalui penggunaan Agro Debit-i dan memupuk amalan menyimpan dan berhemah melalui AgroPrimaS.
11. Inisiatif seperti ini amat digalakkan bagi memastikan setiap peniaga dan pelanggan Agrobank mempunyai cash reserve atau simpanan jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini.
12. Kementerian akan terus menerus menyokong inisiatif yang dilaksanakan jabatan dan agensi bagi mengembangkan perniagaan agri-komuniti dalam merevolusi transaksi industri ini dengan bebas tunai.

13. Saya difahamkan, inisiatif ini bukan yang pertama untuk Agrobank kerana Agrobank telah banyak melancarkan kempen-kempen seumpama ini dan yang paling menarik saya dimaklumkan adalah penawaran kereta mewah Tesla menerusi kempen Mega Million Agrobank yang bakal berakhir hujung September tahun ini.

#### PELAN TINDAKAN DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA 2021-2025

14. Saya yakin dengan pelancaran kempen secara rasmi pada hari ini ianya sedikit sebanyak menaikkan semangat teruja para usahawan tani untuk mempertingkatkan penggunaan transaksi tanpa tunai dan juga menambah deposit simpanan.
15. Bagi para usahawan pula khususnya sektor pertanian, rebutlah peluang ini untuk mengembangkan perniagaan anda agar terus kekal bersaing dan sejajar dengan pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara untuk memperkukuhkan keterjaminan makanan negara.

Hadirin yang dihormati,

**PENUTUP**

16. Tahun baru Cina merupakan masa yang istimewa untuk berkongsi rezeki dan menjaga keharmonian di dalam masyarakat kita. Sebagai satu komuniti, kita boleh mengambil peluang ini untuk saling membantu dan berkongsi dengan

mereka yang kurang bernasib baik. Dengan berbuat demikian, kita tidak hanya memperkukuhkan hubungan sesama kita, tetapi juga membina keharmonian dan kesepaduan yang lebih kukuh di dalam masyarakat.

17. Semoga perayaan ini menjadi titik permulaan untuk lebih peka terhadap keperluan sesama kita, serta untuk menjaga keharmonian dan keselamatan dalam masyarakat kita. Dengan bersatu hati dan saling membantu, kita pasti akan mencapai kejayaan yang lebih besar pada tahun yang baru ini.
18. Sekali lagi, Selamat Tahun Baru Cina! Gong Xi Fa Cai! Semoga tahun ini dipenuhi dengan kegembiraan, kejayaan, dan keberkatan untuk kita semua.
19. Saya yakin lembaran tahun naga akan membawa sinar baharu kepada kita semua sebagai negara yang berbilang bangsa dalam mendepani cabaran dan demi melakar Malaysia yang lebih dinamik dan berdaya saing khususnya di sektor pertanian.
20. Akhir kata, saya berharap penduduk di daerah Keningau ini akan memanfaatkan sepenuhnya dan mengambil peluang menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Agrobank.
21. Dengan penuh sukacita, saya merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Tahun Baru Cina Agrobank 2024.

SEKIAN DAN TERIMA KASIH.